

Hubungan Penguasaan Teknologi dalam Pengajaran Bahasa Melayu Secara Dalam Talian Terhadap Kemahiran Mendengar dan Bertutur

(The Relationship between Mastery of Technology in Teaching Malay Language Online of Listening and Speaking Skills)

Noormarizan Mohamed Nawi^{1*}, Ariff Mohamad²

¹Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Malaysia, 35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia.

Email: mirashahrizan84@gmail.com

²Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Malaysia, 35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia.

Email: ariff@fbk.upsi.edu.my

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Noormarizan Mohamed Nawi
(mirashahrizan84@gmail.com)

KATA KUNCI:

Covid-19
Penguasaan Teknologi
Bahasa Melayu
Analisis Faktor
Analisis Regresi

KEYWORDS:

Covid-19
Mastery of Technology
Malay
Factor Analysis
Regression Analysis

CITATION:

Noormarizan Mohamed Nawi & Ariff Mohamad. (2024). Hubungan Penguasaan Teknologi dalam Pengajaran Bahasa Melayu Secara Dalam Talian Terhadap Kemahiran Mendengar dan Bertutur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(4), e002491.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i4.2491>

ABSTRAK

Kajian tinjauan ini bertujuan untuk mengenal pasti sama ada terdapat hubungan antara penguasaan teknologi dalam pengajaran Bahasa Melayu secara dalam talian terhadap aspek kemahiran mendengar dan bertutur. Kaedah penggunaan teknologi dalam pendidikan diperkenalkan sejak pandemik Covid-19 berleluasa di negara Malaysia. Pelbagai cara telah dijalankan, namun begitu, masih tiada perincian yang jelas tentang cara pelaksanaan latihan bagi aspek kemahiran mendengar dan bertutur dalam kalangan pelajar. Justeru, kajian ini melibatkan seramai 261 orang guru terlatih dari 39 buah sekolah menengah yang telah dipilih secara rawak. Bagi melaksanakan kajian ini, kaedah-kaedah seperti analisis faktor, ujian-t dan analisis regresi digunakan. Kajian ini mendapati bahawa tahap pengetahuan teknologi maklumat dalam kalangan guru Bahasa Melayu semasa wabak pandemik Covid-19 adalah tidak positif disebabkan wabak yang berlaku terjadi secara tiba-tiba. Selain itu, kajian ini membuktikan bahawa guru lelaki adalah yang lebih bersedia berbanding dengan guru perempuan dalam proses pembelajaran pada musim norma baharu. Intiharnya, setiap individu perlu mempelajari serta bersedia dengan apa jua perubahan yang berlaku dalam bidang Pendidikan supaya dapat memperbaiki kelemahan dan kesilapan lampau dalam meneruskan kecemerlangan bidang Pendidikan negara.

ABSTRACT

This survey study aims to identify whether there is a relationship between mastery of technology in Malay Language Teaching online to aspects of listening and speaking skills. The method of using technology in education

was introduced since the Covid-19 pandemic was widespread in Malaysia. Various methods have been carried out, however, there are still no clear details on how to implement training for aspects of listening and speaking skills among students. Therefore, this study involves a total of 261 trained teachers from 39 secondary schools who have been randomly selected. To carry out this study, methods such as factor analysis, t test and regression analysis were used. This study found that the level of knowledge of information technology among Malay teachers during the Covid-19 pandemic was not positive due to the outbreak occurring suddenly. In addition, this study proves that male teachers are more prepared than female teachers in the learning process in the new normal season. In essence, each individual needs to learn and be prepared for any changes that occur in the field of Education so as to be able to correct past weaknesses and mistakes in continuing the excellence of the country's field of Education.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini adalah salah satu daripada kajian yang telah menyiasat hubungan penggunaan teknologi pendidikan secara dalam talian oleh guru-guru Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) di Perak dalam meningkatkan penguasaan dalam kemahiran mendengar dan bertutur.

1. Pengenalan

Kemahiran mendengar dan kemahiran bertutur adalah kemahiran yang paling asas dalam hierarki Bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, kemahiran mendengar dan bertutur ini merupakan topik yang paling jarang difokuskan secara langsung walaupun kemahiran ini merupakan kemahiran yang paling awal dipelajari. Sebagai contoh, dalam proses perkembangan seseorang kanak-kanak mempelajari dan menangkap sesuatu bunyi, bayi itu akan terangsang melalui bunyi terlebih dahulu sebelum lahirnya bunyi atau fonik yang pertama dari mulut bayi tersebut. Ini menjelaskan bahawa, kemahiran mendengar dan bertutur ini amat penting untuk dikuasai sebaiknya malah ia merupakan asas utama dalam kemahiran berbahasa.

Kemahiran mendengar dan bertutur ini saling berkait kerana apabila seseorang itu mendengar, mereka akan memberikan respons terhadap apa yang didengari dengan bertutur iaitu berkomunikasi. Malah, berkomunikasi ini juga penting dalam melahirkan aktiviti mendengar dan bertutur iaitu proses komunikasi secara dua hala. Kemahiran mendengar dan bertutur ini kurang diberi perhatian dalam pengajaran dan pembelajaran kerana guru lebih berfokus kepada kemahiran membaca dan seterusnya kemahiran menulis. Malah, sekiranya kemahiran ini diajarkan di dalam kelas, hanya secara ringkas dan tidak mendalaminya dengan menggunakan kaedah dan teknik yang sesuai. Apa lagi jika situasi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) berubah daripada pengajaran secara konvensional kepada pengajaran secara dalam talian.

Pada tahun 2020, kita dikejutkan dengan satu wabak pandemik Covid-19 bukan sahaja membawa pengaruh besar kepada sektor kesihatan malah turut memberi impak yang besar terhadap segala aktiviti penting termasuk persekolahan dan pengajian tinggi di seluruh dunia. Antara peraturan utama yang ditetapkan semasa tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP) adalah penutupan premis kerajaan dan swasta, kecuali perkhidmatan

utama negara seperti kesihatan dan keselamatan, telekomunikasi, peruncitan, kewangan dan pengangkutan (Majlis Keselamatan Negara, 2020). PdP yang bermula dengan pengajaran secara konvensional telah beralih kepada situasi PAK-21. Bermulanya Covid-19 ini, maka sesi pengajaran juga beralih daripada bersemuka kepada pembelajaran secara dalam talian. Dengan peningkatan kes positif Covid-19 yang kian mencanak tinggi, penutupan sekolah terpaksa dilanjutkan hingga kes terkawal.

1.1. Penyataan Masalah

Negara Malaysia dilanda wabak Covid-19 sejak Mac 2020. Covid-19 adalah penyakit yang disebabkan oleh coronavirus SARS-CoV-2. Ia biasanya merebak antara orang yang rapat. (WHO, 2020). Kesannya, sekolah terpaksa ditutup dengan lebih lama bagi memastikan keselamatan warga sekolah terpelihara sebaiknya. Sehubungan dengan itu, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil langkah proaktif dengan menyediakan Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (Manual PdPR) pada Oktober 2020. Manual PdPR ini dikatakan dapat membantu guru melaksanakan PdPR dengan menjanjikan garis panduan dalam menjalankan pengajaran dan pembelajaran dalam norma baharu. Langkah yang diambil ini amat sesuai dengan kehendak Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. PPPM 2013-2025 menetapkan bahawa setiap pelajar perlu mempunyai hala tuju dan kejayaan dalam bidang pendidikan demi kelangsungan hidup masa hadapan. Namun begitu, tidak ada perincian yang jelas tentang cara pelaksanaan latihan bagi aspek kemahiran mendengar dan bertutur dalam kalangan murid. Guru perlu menggunakan kebijaksanaan mereka dalam memastikan proses PdP ini dapat dilaksanakan secara berkesan. Sehubungan dengan itu, guru perlu mempunyai pertimbangan yang profesional dalam usaha untuk mentafsir perkembangan dan mentafsir tahap penguasaan pelajar mengikut standard piawaian dalam Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) bagi kesemua kemahiran iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis.

Walau bagaimanapun, kemahiran aspek seni bahasa ini juga ditafsir selari dengan kehendak dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Proses bimbingan dan pengukuhan ini harus dipraktikkan bagi memberi ruang kepada pelajar untuk mencapai tahap keupayaan mereka yang lebih baik. Kesukaran dan masalah yang berkaitan dengan teknologi moden ini wujud daripada pelbagai aspek kerana kurangnya penggunaan dan pengendalian dalam memanfaatkan fungsi yang pelbagai terhadap sesuatu penggunaan teknologi (Dhawan, 2020). Penggunaan aplikasi dan pengintegrasian teknologi membantu memastikan perhubungan diteruskan melalui persidangan video. Contohnya aplikasi yang menjadi ikutan masa kini di *Google play store*. Pengintegrasian teknologi ini dapat dilihat dalam sikap pendidik untuk mengintegrasikan teknologi dalam pengajaran iaitu menggunakan komputer sebagai medium pembelajaran dan alat bantu mengajar (ABM), menggalakkan pelajar menggunakan komputer dalam aktiviti kokurikulum, dan mengadakan aktiviti pembelajaran menggunakan rangkaian internet seperti menjawab kuiz di *Kahoot*.

1.1. Objektif Kajian

Kajian ini adalah berkaitan dengan hubungan penggunaan dan penguasaan teknologi dalam pengajaran Bahasa Melayu secara dalam talian terhadap aspek kemahiran mendengar dan bertutur. Objektif kajian ini ialah:

- i. Mengenal pasti tahap pengetahuan teknologi maklumat guru Bahasa Melayu semasa wabak pandemik Covid-19.
- ii. Mengkaji tahap kesediaan guru Bahasa Melayu untuk mengajar dalam situasi PdP (Pengajaran dan Pembelajaran) dalam talian bagi aspek kemahiran mendengar dan bertutur berdasarkan jantungina.
- iii. Mengenal pasti hubungan antara penggunaan teknologi pengajaran bahasa Melayu secara dalam talian dengan aspek kemahiran mendengar dan bertutur.

2. Sorotan Literatur

Pelaksanaan PdP dalam talian dijadikan sebagai salah satu kebiasaan dalam kehidupan baharu. Dalam menghadapi keadaan semasa ini, KPM sudah banyak melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran terus berlangsung, antaranya dengan melaksanakan pembelajaran dalam talian. Maka, kerajaan memperkenalkan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) untuk memastikan sektor pendidikan tidak ketinggalan ketika pandemik (KPM, 2020) supaya sentiasa seiring dengan usaha untuk meletakkan sistem pendidikan negara setanding negara maju. Sebenarnya, perkembangan teknologi negara dalam pendidikan ini telah berkembang sejak sebelum berlakunya Covid-19 lagi. Namun, penggunaannya adalah terhad dan tidak terlalu ditekankan disebabkan kesukaran dalam menggunakannya dan bahan yang kurang serta terhad. Hal ini selari dengan kajian [Septi Dwi Putri dan Desy Eka Citra \(2019\)](#) di mana terdapat sejumlah teknologi yang tersedia untuk digunakan dalam bidang pendidikan namun bagaimanapun, teknologi ini diambil mudah kerana dilihat lebih banyak kesukaran dalam penggunaannya yang akhirnya memakan masa PdP yang agak lama iaitu dari segi ralat muat turun bahan, masalah video, audio dan sebagainya. Kebanyakan guru berpengalaman dan terlatih dalam bidang pengajaran, tetapi kurang mahir dalam menggunakan teknologi maklumat dalam pengajaran ([Setyorini, 2020](#)). Hal ini menyukarkan mereka membangunkan sesebuah perisian multimedia dalam proses pengajaran ([Yahya & Roselan, 2015](#)).

Dalam era kepesatan teknologi ini, perkembangan negara dalam penggunaan teknologi semakin maju. Malah, perkembangan ini turut berlaku dalam sektor pendidikan di mana proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) kini tidak hanya tertumpu kepada penggunaan buku teks sebagai rujukan utama atau bahan konvensional sahaja, malah, ia juga lebih berfokus kepada penggunaan kaedah baharu dengan menerapkan penggunaan teknologi untuk menarik minat pelajar dalam menyediakan pembelajaran yang berbentuk interaktif. Selain itu, dalam mencapai objektif pembelajaran yang maksimum, penggunaan alat bantu mengajar (ABM) ini amat penting dalam memastikan setiap rancangan yang dibina dapat direncanakan dengan jayanya dan berkesan ([Abdul Halim & Nor Mashitah, 2015](#)). Justeru, jelaslah bahawa penggunaan teknologi dalam PdPc merupakan salah satu kaedah yang boleh digunakan dalam usaha meningkatkan perkembangan dan minat pelajar terhadap pembelajaran. Penggunaan teknologi ini bukan sahaja dengan menayangkan video, malah ia dapat merangsang pemikiran kreatif dan kritis dalam kalangan pelajar dan guru untuk membentuk pembelajaran yang lebih menarik di dalam kelas.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden sentiasa berusaha dalam menguasai teknik dan kaedah yang terbaik untuk memilih penskoran pentaksiran lisan yang paling sesuai untuk diaplikasikan di dalam kelas. Penilaian ini perlulah bertepatan dengan Standard Prestasi (SP) yang ditetapkan bagi kemahiran mendengar dan bertutur yang terkandung dalam DSKP. Rentetan daripada itu, rungutan dan ketidakpastian dalam

melaksanakan penilaian penskoran yang jelas ini juga agar sukar untuk diselarikan. Hal ini demikian kerana pembahagian penskoran mengikut Tahap Penguasaan (TP) ini masih kurang jelas dan bersifat subjektif. Malah, ia bertambah sukar untuk melaksanakan pentaksiran apabila sesi PdPc dijalankan secara dalam talian. Namun, tidak dapat dinafikan bahawa perkembangan dalam bidang teknologi dan komunikasi ini telah memberi impak yang sangat besar terutama dalam proses PdP Bahasa Melayu. Oleh yang demikian, guru mahupun pentaksir dalaman perlu mengambil langkah sewajarnya untuk membuat penskoran yang bersesuaian mengikut tahap pemahaman dan persepsi selagi ianya tidak bercanggah dengan rujukan utama iaitu DSKP.

2.1. Teori tindakan beralasan

Teori Tindakan Beralasan digunakan untuk menerangkan hubungan antara sikap dan tingkah laku manusia dalam melakukan sesuatu perkara (Fishbein & Ajzen, 1975). Berdasarkan kepada *Theory of Reasoned Action* (TRA) (Ajzen, 1985), tingkah laku manusia boleh ditafsirkan sebagai sesuatu tindakan yang dirancang untuk mencapai matlamat dinamakan sebagai pelaksanaan. Jika diteliti dengan baik, banyak kajian penyelidik sebelum ini yang mengaitkan niat dengan penggunaan (*actual usage*).

Niat seseorang untuk menggunakan teknologi mendorong kepada wujudnya tingkah laku sebenar dalam persekitaran e-pembelajaran (Lo, Ramayah & Mohamad, 2015). Kajian yang dijalankan oleh Venkatesh dan Davis (2000) melihat bahawa niat ini berperanan sebagai pemboleh ubah bersifat baik dalam meramalkan sesuatu perkara yang akan terjadi. Pendapat ini disokong oleh penyelidik seperti Buche et al. (2012) di mana penerimaan teknologi ini juga memberikan perkaitan antara tindak balas dan niat untuk membolehkan seseorang itu bertindak balas atau memberikan reaksi serta respon. Daripada dapatan kajian lepas ini, dapat dirumuskan bahawa penggunaan teknologi dalam kalangan guru dapat membantu memberikan pemahaman terhadap tingkah laku sebenar seseorang guru itu dalam penggunaan teknologi yang berdasar kepada perspektif niat dalam pendidikan.

Merujuk kepada Teori Tindakan Beralasan, kepercayaan dikatakan membawa pengaruh yang besar terhadap sikap yang bakal ditonjolkan. Sikap membawa kepada niat di mana niat ini dizahirkan pula dalam bentuk tingkah laku. Hal ini selari dengan kajian Dwivedi et al. (2019) yang mendapati bahawa sikap menunjukkan hubungan yang signifikan dan mempunyai hubungan langsung dengan niat dan tingkah laku. Hal ini mendorong ciri-ciri individu dalam apa-apa penggunaan teknologi. Hasil dapatan kajian Suzlina dan Jamaludin (2016) membuktikan bahawa guru Bahasa Melayu mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi manakala tahap kemahiran dan tahap sikap pula pada aras sederhana. Hasil dapatan kajian Suzlina dan Jamaludin (2016) ini juga menunjukkan bahawa kekangan kemahiran penggunaan internet dan tahap pengetahuan dan penggunaan Web 2.0 berada pada tahap yang rendah. Manakala, data bagi keberkesanan dalam penggunaan aplikasi Web 2.0 pula berada pada tahap yang tinggi.

Menurut Taylor et al. (1997), sikap terdiri daripada komponen kognitif, komponen afektif dan komponen psikomotor. Komponen kognitif dapat dilihat daripada kefahaman serta kebolehpercayaan terhadap sesuatu aspek. Komponen afektif pula berkait rapat dengan perasaan atau emosi yang seseorang rasakan atau alami manakala komponen psikomotor merujuk kepada kecenderungan untuk memberi tindak balas terhadap sesuatu keadaan atau situasi. Komponen yang dinyatakan ini boleh dipandang dalam aspek positif atau negatif. Sikap yang tercetus hasil daripada persepsi terhadap penggunaan teknologi akan


menjadi positif jika seseorang dapat menguasai kemahiran menggunakan, mengendalikan dan menyadari manfaat penggunaan teknologi kepada mereka (Davis et al., 1989).

2.2. TPACK (Pengetahuan Teknologi (PT), Pengetahuan Pedagogi (PP))

Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) ini mengandungi tiga elemen utama iaitu pengetahuan isi kandungan, kepercayaan dan kemahiran pedagogi (Shulman, 1986). Hal ini lebih menjurus kepada pendekatan menyampaikan pengetahuan isi kandungan dengan cara yang berkesan. Tambahannya, guru seharusnya perlu menguasai pengetahuan mengenai pedagogi dalam usaha untuk menyampaikan sesuatu ilmu kepada pelajar. Pengetahuan mengenai kandungan dan juga pedagogi ini seharusnya selari bagi menghasilkan proses PdP yang berkesan. Oleh itu, hasil pembelajaran yang optimum dapat dihasilkan dengan baik. Malah, objektif pembelajaran juga dapat dicapai dengan berkesan.

Terdapat dua elemen yang terpenting dalam PPK iaitu pengetahuan mengenai cara sesuatu isi pelajaran itu dipersembahkan kepada pelajar dengan berkesan serta pemahaman mengenai isu atau permasalahan dalam pembelajaran yang dihadapi oleh pelajar terutama berkaitan dengan isi pembelajaran sesuatu topik. Ianya dapat dibuktikan melalui Mishra dan Koehler (2006) dalam bentuk rajah seperti Rajah 1.

Rajah 1: Kepentingan PPK Shulman



Sumber: Mishra dan Koehler (2006:1022)

Pada dasarnya, PPK ini mengandungi pengetahuan menggunakan teknologi yang dapat disesuaikan dengan keperluan isi pelajaran bertujuan untuk memudahkan proses pembelajaran. Setelah itu, idea asal yang dihasilkan oleh Shulman (1986) ini dikembangkan oleh Mishra dan Koehler (2006) dengan penambahan bulatan ketiga yang dikenali sebagai pengetahuan teknologi. Pengetahuan teknologi ini pula terpisah di mana pengetahuan ini akan digunakan bersama pengetahuan pedagogi dan juga kandungan. Pedagogi teknologi ini harus dimanfaatkan semaksimumnya dalam proses PdP (Mishra, Koehler & Haris, 2009). Jadi, pada akhirnya, penggunaan teknologi ini disertakan dalam pengetahuan pedagogi dan kandungan yang akhirnya membentuk TPACK.

TPACK merupakan dasar pengajaran yang efektif dengan penggunaan teknologi. Hal ini bermakna, guru memerlukan pemahaman konsep dan teknik pedagogi. Penggunaan teknologi dalam pendidikan ini sebenarnya dapat membantu dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pelajar. Malah, penggunaan teknologi ini menjadikan sesuatu pembelajaran itu lebih interaktif dengan penggunaan visual seperti video, medium interaktif seperti kuiz interaktif dan sebagainya. Manakala, ilmu pengetahuan terdahulu


lebih menggunakan teori epistemologi pelajar dan pengetahuan mengenai bagaimana teknologi itu dapat digunakan dalam meningkatkan sesuatu ilmu pengetahuan sedia ada (Koehler & Mishra, 2009). Falsafah konstruktivisme memberi tumpuan kepada pelajar, membantu dalam penggunaan teknologi untuk menyampai dan membina pengetahuan baharu.

Kerangka teras TPACK (*Technological Pedagogical and Content Knowledge*) dibentuk oleh tiga teras iaitu teknologi, pedagogi, dan kandungan (Yusup Hashim, 2012) Rangka kerja TPACK (Mishra & Koehler, 2006) memfokuskan kepada pengetahuan teknologi (TK), pengetahuan pedagogi (PK), dan pengetahuan kandungan (CK), yang merupakan pendekatan berkesan bagi masalah yang dihadapi oleh guru untuk melaksanakan PdP menggunakan teknologi dalam pendidikan.

2.3. Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual ini berperanan sebagai memberi satu panduan dalam proses pengendalian kajian. Rajah 2 menunjukkan kerangka konseptual yang akan dijalankan iaitu berdasarkan Teori Tindakan Beralasan.

Rajah 2: Teori Tindakan Beralasan



3. Metod Kajian

Kajian ini dijalankan menggunakan reka bentuk kajian yang berbentuk kuantitatif. Data kuantitatif ini dikumpulkan melalui kaedah tinjauan yang dijalankan menggunakan borang soal selidik. Creswell (1994) mendefinisikan kaedah tinjauan sebagai kajian yang menjelaskan fenomena dengan mengumpul data yang dianalisis dengan menggunakan kaedah pendekatan matematik iaitu penggunaan statistik. Cohen et al. (2018) pula menyatakan bahawa penggunaan kaedah kuantitatif merujuk kepada kajian sosial yang menggunakan kaedah dan pernyataan empirikal. Bagi menjawab objektif kajian yang dibina, kajian kuantitatif adalah reka bentuk yang sesuai dijalankan untuk menjelaskan sesuatu fenomena yang berlaku. Dalam mendapatkan data pula, kajian tinjauan digunakan. Kajian tinjauan ini adalah satu kaedah yang digunakan dalam usaha untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan sikap, pendapat dan juga persepi bagi populasi berdasarkan hasil soal selidik yang dijalankan terhadap sampel kajian yang mana pendapat ini selari dengan Creswell (2005). Malahan, kaedah tinjauan ini juga adalah antara kaedah yang paling sesuai untuk diaplikasikan dalam penyelidikan pendidikan (Wiersma, 1995).

Populasi yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada guru yang berkhidmat di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) yang terdapat di negeri Perak. Populasi kajian melibatkan

sebanyak 2690 orang guru-guru Sekolah Menengah Kebangsaan di Negeri Perak. Merujuk kepada jadual [Krejcie dan Morgan \(1970\)](#), jumlah sampel kajian adalah seramai 242 orang daripada 39 buah sekolah menengah (bandar) yang terpilih.

Soal selidik ini dilakukan adalah untuk mendapatkan pandangan responden terhadap PdP dalam talian daripada aspek pelaksanaan kemahiran mendengar dan bertutur murid berdasarkan pengalaman mereka berkecimpung dalam bidang pendidikan. Penggunaan soal selidik juga sesuai digunakan untuk mencapai objektif kajian di samping memudahkan dalam mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan jitu berdasarkan item soalan kajian yang disediakan. Hal ini demikian kerana, kebanyakan soal selidik digunakan untuk mengukur aspek tertentu seperti persepsi, sikap, motivasi dan perasaan. Pemilihan cara ini juga amat bersesuaian dengan keadaan negara sekarang yang masih belum pulih sepenuhnya melawan Covid-19.

Instrumen kajian digunakan dalam kajian sebagai asas bagi memperoleh data bagi memperoleh dapatan kajian berdasarkan objektif kajian yang ditetapkan. Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik di mana dalam pembinaan soal selidik ini mempunyai empat bahagian yang wajib dijawab oleh responden iaitu bahagian A,B,C dan D. Bagi bahagian A, terdapatnya item mengenai demografi responden yang terdiri daripada item jantina, kelayakan akademik tertinggi, pekerjaan, bidang kepakaran dan pengalaman bekerja. Bahagian B merupakan soalan tentang tahap kesediaan dan kebolehlaksanaan guru dalam melaksanakan pengajaran Bahasa Melayu dalam talian. Bahagian ini berkaitan dengan penggunaan teknologi asas seperti komputer, teknologi perkakasan, internet, aplikasi pembelajaran dan perisian program yang diperlukan untuk menguasai, mengendali dan mengaplikasikan teknologi Pendidikan terutama dalam melatih murid dalam kemahiran mendengar dan bertutur. Bahagian C pula memaparkan item berkaitan pelaksanaan PdP dalam talian bagi aspek kemahiran mendengar dan bertutur. Manakala Bahagian D pula adalah soal selidik mengenai Pengetahuan Teknologi, Pedagogi dan Kandungan (TPACK). Pengetahuan pedagogi guru melihat kepada pengetahuan guru secara umum merangkumi segala isu seperti isu pembelajaran murid, pembangunan serta pelaksanaan proses perancangan pengajaran, penilaian terhadap prestasi murid serta pengetahuan dalam kaedah pengajaran. [Jadual 1](#) meliputi kandungan soal selidik bagi bahagian A,B,C dan D.

Jadual 1: Kandungan Borang Soal Selidik

Bahagian	Aspek	Bil Item
A	Demografi Responden	5
B	Tahap Kesediaan dan Kebolehlaksanaan Guru Dalam Melaksanakan Pengajaran Bahasa Melayu Secara Dalam Talian	29
C	Pelaksanaan PdP Dalam Talian Bagi Kemahiran Mendengar dan Bertutur	17
D	Pengetahuan Teknologi, Pedagogi dan Kandungan	
JUMLAH		64

4. Hasil Kajian

4.1. Analisis Latar Belakang Demografi

Jadual 2 menunjukkan bahawa jumlah responden yang tergolong daripada jantina lelaki adalah seramai 80 orang manakala golongan jantina perempuan adalah seramai 181 orang. Kebanyakan responden adalah dalam kalangan wanita iaitu sebanyak 69.3% dan selebihnya sebanyak 30.7% adalah kaum lelaki atau tenaga pengajar lelaki.

Jadual 2: Jantina

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	80	30.7
Perempuan	181	69.3
Jumlah	261	100

Jadual 3 menunjukkan bahawa daripada jumlah keseluruhan responden iaitu 261 orang, jumlah responden yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda adalah seramai 247 orang manakala responden yang mempunyai Ijazah Sarjana adalah seramai 11 orang. Responden yang mempunyai kelayakan Diploma pula adalah dua orang dan yang mempunyai kelayakan PhD adalah satu orang. Majoriti daripada responden mempunyai kelayakan ijazah sarjana muda iaitu 96.64% diikuti dengan ijazah sarjana sebanyak 4.21%. Kelayakan diploma dan PhD kedua-duanya adalah paling sedikit iaitu 0.77% dan 0.38%.

Jadual 3: Kelayakan

Kelayakan	Bilangan	Peratus
Ijazah Sarjana Muda	247	94.6
Ijazah Sarjana	11	4.2
Diploma	2	0.8
PhD	1	0.4
Jumlah	261	100

Jadual 4 menunjukkan kebanyakan responden adalah daripada gred guru akademik biasa, DG41, DG44 dan DG48 dengan peratusan 25.7%, 20.7%, 23.0% dan 25.7%. Selebihnya adalah daripada responden yang berjawatan iaitu guru kanan dengan 0.8%, penolong kanan dengan 1.5%, guru pengurus media dengan jumlah 0.4% dan ketua panitia iaitu 2.3%.

Jadual 4: Jawatan

Jawatan	Bilangan	Peratus
Guru Akademik Biasa	67	25.7
Guru Kanan	2	0.8
Penolong Kanan	4	1.5
Guru Pengurus Media	1	0.4
PPP DG41	54	20.7
PPP DG44	60	23
PPP DG48	67	25.7
Ketua Panitia	6	2.3
Jumlah	261	100

Jadual 5 menunjukkan jumlah responden daripada bidang Kesusasteraan Melayu adalah seramai dua orang, bidang Bahasa Melayu adalah seramai 256 orang, Pengajian Am seramai satu orang, bidang ICT satu orang dan bidang Sejarah juga satu orang. Majoriti daripada responden adalah daripada bidang Bahasa Melayu dengan peratus sebanyak 98.1% dan selebihnya adalah daripada bidang Kesusasteraan Melayu (8%), Pengajian am (4%), ICT (4%), dan Sejarah (4%).

Jadual 5: Bidang

Bidang	Bilangan	Peratus
Kesusasteraan Melayu	2	0.8
Bahasa Melayu	256	98.1
Pengajian Am	1	0.4
ICT	1	0.4
Sejarah	1	0.4
Jumlah	261	100

Jadual 6 menunjukkan hampir separuh daripada responden mempunyai pengalaman bekerja 16 tahun ke atas iaitu mewakili 48.66 peratus daripada keseluruhan responden dan 55 orang guru berkhidmat antara 11 hingga 15 tahun mewakili 18.77 peratus daripada jumlah keseluruhan. Terdapat 29 orang guru yang berkhidmat antara 6 hingga 10 tahun mewakili 10.34 peratus daripada jumlah responden. Manakala guru yang berkhidmat di antara 1 hingga 5 tahun sebanyak 64 orang yang menyumbang 22.22 peratus daripada jumlah keseluruhan. Hal ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden mempunyai pengalaman mengajar yang luas memandangkan ramai responden yang berada pada tahap 16 tahun tempoh perkhidmatan atau pengalaman mengajar.

Jadual 6: Pengalaman

Pengalaman	Bilangan	Peratus
1 hingga 5 tahun	58	22.2
6 hingga 10 tahun	27	10.3
11 hingga 15	49	18.8
16 tahun ke atas	127	48.7
Jumlah	261	100

4.2. Analisis Faktor

Analisis faktor adalah teknik untuk mengurangkan bilangan pemboleh ubah yang besar kepada bilangan faktor yang lebih kecil. Teknik ini mengekstrak varians sepunya maksimum daripada semua pemboleh ubah dan meletakkannya ke dalam skor sepunya. Analisis faktor dalam kajian ini digunakan untuk memecahkan kategori tahap pengetahuan teknologi maklumat guru Bahasa Melayu semasa wabak pandemik Covid-19.

Jadual 7 menunjukkan hasil kajian maklum balas soal selidik yang dijawab oleh responden. Data daripada **Jadual 7** menunjukkan min sebanyak 2.9788 yang menunjukkan secara purata responden kurang setuju dengan pernyataan berkenaan pengetahuan teknologi maklumat. Median adalah nilai yang menjadi penanda aras bagi responden bersetuju dengan soalan yang diberikan atau tidak setuju atas soalan yang diajukan. Nilai median yang direkodkan adalah 2.8929 menghampiri nilai 3. Hal ini dapat diklasifikasikan yang responden masih dalam dilema dalam menyetujui atas soalan yang diajukan. Manakala, nilai min pula adalah 2.9788 dan mod adalah 2.89.

Jadual 7: Analisis Pengetahuan

Pengetahuan	
N Valid	261
Missing	0
Min	2.9788
Median	2.8929
Mod	2.89
Standard Piawaian	.14472
Varian	.021
Kecondongan	3.123
Standard Ralat Piawaian Kecondongan	.151
Kurtosis	15.637
Standard Ralat Piawaian Kecondongan	.300
Minimum	2.61
Maksimum	3.96

Nilai sisihan piawai menunjukkan nilai sebanyak 0.14472. Sisihan piawai digunakan untuk mengukur lebar nilai dalam sesuatu set data. Jika banyak titik data hampir dengan min, maka nilai sisihan piawai adalah kecil dan begitu juga sebaliknya iaitu jika banyak titik data jauh dari min, maka nilai sisihan piawai adalah besar. Menurut [Hussain and Shiratuddin \(2016\)](#), nilai sisihan piawai yang lebih kecil iaitu kurang daripada 1, sebaran skor dalam taburan juga adalah kecil dan ini membawa implikasi bahawa data tersebut adalah berhampiran antara satu sama lain iaitu homogen. Menurut mereka juga, taburan data yang homogen membuktikan kebolehpercayaan yang tinggi bagi instrumen tersebut. Nilai kecondongan dan kurtosis pula adalah 3.123 dan 15.637. Kecondongan pada asasnya ialah ukuran yang biasa digunakan dalam statistik deskriptif yang mencirikan asimetri pengedaran data, manakala kurtosis menentukan berat ekor pengedaran. Nilai kecondongan 3.123 menunjukkan kecondongan ke arah kanan atau boleh ditafsirkan kecondongan positif. Hasil daripada analisis korelasi yang dilakukan, menunjukkan bahawa tahap pengetahuan teknologi maklumat guru Bahasa Melayu semasa wabak pandemik Covid-19 adalah tidak positif di mana kebanyakan guru tidak berpengetahuan tentang sistem dalam talian. Hal ini kerana wabak yang berlaku secara tiba-tiba menyebabkan guru-guru tidak berupaya untuk mempelajari kaedah mengajar dalam talian dengan lebih awal.

4.3. Analisis Ujian-t

Ujian-t merupakan ujian statistik untuk membandingkan min bagi dua kumpulan. Ujian-t ini sesuai digunakan untuk ujian hipotesis bagi menentukan sama ada sesuatu proses tersebut mempunyai kesan ke atas populasi yang diminati, atau sama ada dua kumpulan tersebut mempunyai perbezaan antara satu sama lain. Ujian-t digunakan di dalam kajian ini untuk mengkaji tahap kesediaan guru Bahasa Melayu untuk mengajar dalam situasi PdP dalam talian bagi aspek kemahiran mendengar dan bertutur berdasarkan jantina.

Jadual 8 menunjukkan perbandingan tahap kesediaan guru Bahasa Melayu untuk mengajar dalam situasi PdP dalam talian bagi aspek kemahiran mendengar dan bertutur berdasarkan jantina lelaki dan perempuan. Ujian levene menunjukkan signifikan 0.000 di mana ia lebih kecil dari 0.05. Nilai tersebut menunjukkan varian yang konsisten. Jadi ujian t di mana varians konsisten akan digunakan. Hasil daripada ujian tersebut, menunjukkan signifikan 0.00 di mana nilai ini menunjukkan nilai yang lebih kecil daripada 0.05. Hal ini membuktikan bahawa guru lelaki lebih bersedia untuk mengajar menggunakan teknologi

sewaktu PdPR jika dibandingkan dengan guru perempuan. Selain itu, hal ini dapat dibuktikan daripada selang keyakinan di mana nilainya tidak mempunyai sifar di antaranya. Selang keyakinan yang tidak mempunyai nilai sifar membuktikan bahawa ujian ini adalah disokong signifikan. Kesimpulannya, hasil ujian menunjukkan bahawa responden lelaki adalah lebih bersedia dalam mengajar Bahasa Melayu dalam situasi PdP dalam talian bagi aspek kemahiran mendengar dan bertutur berbanding responden perempuan.

4.4. Analisis Regresi

Analisis regresi merupakan satu analisis statistik yang menunjukkan hubungan antara dua atau lebih pemboleh ubah. Data analisis ini biasanya dipersembahkan dalam bentuk graf, kaedah menguji hubungan antara pemboleh ubah bersandar terhadap pemboleh ubah tidak bersandar. Oleh yang demikian, kajian ini menggunakan analisis regresi untuk mengenal pasti hubungan antara penggunaan teknologi pengajaran Bahasa Melayu secara dalam talian dengan aspek kemahiran mendengar dan bertutur.

Jadual 9 menunjukkan nilai persamaan linear di mana Y bersamaan aspek kemahiran mendengar dan bertutur, X1 bersamaan aspek Pengetahuan, X2 bersamaan Aspek PDP dan X3 bersamaan aspek TPACK. Nilai signifikan dalam Jadual 9 menunjukkan nilai kurang daripada 0.05. Nilai ini menunjukkan bahawa ianya adalah pemboleh ubah yang signifikan. Penyataan ini disokong dengan melihat selang keyakinan yang tidak termasuk dengan nilai sifar pada kesemuanya.

Jadual 10 di atas menunjukkan pekali untuk kiraan di mana Y bersamaan aspek kemahiran mendengar dan bertutur, X1 bersamaan aspek Pengetahuan, X2 bersamaan Aspek PDP dan X3 bersamaan aspek TPACK. Diagnostik kolineariti dilakukan untuk melihat adakah pembolehubah yang digunakan sesuai untuk pekali yang digunakan. Diagnostik menunjukkan bahawa nilai eigen semuanya kurang daripada 5 dan hal ini membuktikan bahawa pemboleh ubah adalah sesuai untuk digunakan.

Jadual 2: Diagnostik Kolineariti

Model	Dimensi	Nilai Eigen	Keadaan Indeks	(Tetap)	Perkadaran Varians		
					PENGETAHUAN	PDP	TPACK
1	1	3.980	1.000	.00	.00	.00	.00
	2	.017	15.503	.03	.02	.08	.04
	3	.003	36.104	.02	.05	.51	.66
	4	.001	70.004	.94	.93	.40	.30

Jadual 8: Analisis Ujian-t

		Ujian Levene untuk Kesamaan Varians				Ujian-t untuk Kesamaan Min				
		F	Sig.	η^2	df	Sig. (2-tailed)	Perbeza-an Min	Perbeza-an Ralat Piawaian	Perbezaan 95% selang keyakinan	
								Bawah	Atas	
PDP	Varians yang sama diandaikan	156.599	.000	-6.854	259	.000	-.41916	.06116	-5.3959	-2.9873
	Varians yang sama tidak diandaikan			-8.906	258.830	.000	-.41916	.04707	-5.1184	-32647

Jadual 9: Pekali

Model		Tidak Stand-ard B	Ralat Stand-ard Pekali	Stand-ard Pekali Beta	η^2	Sig.	95% Selang Keyakinan untuk B		Statistik Pekali	
							Batas Bawah	Batas Atas	Toler-ansi	VIF
1	(Tetap)	2.543	.167			.000	2.214	2.871		
	Pengeta-huan	-2.32	.059	-.126		.000	-.348	-.116	.712	1.404
	PDP	.208	.033	.387		.000	.144	-2.72	-1.97	5.071
	TPACK	.291	.028	.584		.000	.236	.346	.234	4.276

Jadual 11 menunjukkan ujian ANOVA untuk melihat hubungan antara penggunaan teknologi pengajaran Bahasa Melayu secara dalam talian dengan kemahiran mendengar dan bertutur. Hasil menunjukkan nilai signifikan 0.00 lebih rendah daripada 0.05 di mana ia menunjukkan terdapat hubungan antara penggunaan teknologi pengajaran Bahasa Melayu secara dalam talian dengan aspek kemahiran mendengar dan bertutur untuk keseluruhannya. Kesimpulannya, pemboleh ubah aspek kemahiran mendengar dan bertutur (*dependent variable*) adalah bergantung kepada pemboleh ubah yang dimalarkan dalam kajian iaitu aspek yang terlibat (*independent variable*) seperti aspek Pengetahuan, aspek PdP dalam talian dan aspek TPACK.

Jadual 3: Analisis ANOVA^a

Model		Jumlah Persegi	df	Min Persegi	F	Sig.
1	Regresi	14.886	3	4.962	370.578	.000 ^b
	Baki	3.441	257	.013		
	Jumlah	18.327	260			

- Pemboleh ubah bersandar: Mendengar dan Bertutur
- Peramal: (Tetap), TPACK, PENGETAHUAN, PDP

5. Perbincangan Kajian

Hasil kajian tahap kesediaan guru Bahasa Melayu untuk mengajar dalam situasi PdP dalam talian berdasarkan jantina lelaki dan perempuan mendapati bahawa responden lelaki adalah lebih bersedia dalam mengajar Bahasa Melayu sewaktu situasi PdP dalam talian bagi aspek kemahiran mendengar dan bertutur berbanding responden perempuan. Berdasarkan keputusan ujian ANOVA yang digunakan untuk melihat hubungan antara penggunaan teknologi dalam pengajaran Bahasa Melayu secara dalam talian dari segi kemahiran mendengar dan bertutur, didapati bahawa terdapat hubungan di antara keduanya secara keseluruhannya. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru lelaki lebih bersedia untuk menjalankan PdP menggunakan teknologi. Hal ini demikian kerana mungkin guru lelaki ini kurang menguasai penggunaan teknologi dalam pengajaran telah mendesak dan mendorong golongan ini lebih bersedia dengan mendalami lebih awal tentang kaedah yang boleh digunakan dalam pengajaran menggunakan teknologi yang terkini.

Seharusnya, semua guru tidak mengira jantina perlu mempunyai semangat dan tahap kesediaan yang hampir sama memandangkan banyak perkara baharu yang perlu diterokai demi memastikan kelangsungan pembelajaran menggunakan kecanggihan teknologi masa kini. Jelaslah bahawa sudah menjadi tanggungjawab guru-guru untuk meningkatkan lagi mutu pengajaran dan penguasaan ilmu pengetahuan bagi penggunaan teknologi dalam pengajaran. Hal ini adalah penting untuk guru-guru meningkatkan penguasaan ilmu pengetahuan pelajar supaya kecemerlangan akademik dapat dicapai tanpa mengira halangan dan kekangan yang dihadapi.

6. Kesimpulan

Sesungguhnya, penggunaan teknologi yang semakin pesat ini dapat diaplikasikan dalam pengajaran untuk meningkatkan nilai kreativiti dan melahirkan modal insan yang cekap. Dalam usaha mewujudkan satu pengajaran yang lebih praktikal, tuntutan kerja yang banyak sangat mempengaruhi persediaan seseorang untuk melangkah ke arah perubahan yang lebih baik. Tidak dapat dinafikan juga bahawa kehadiran teknologi dalam bidang pendidikan membantu meningkatkan prestasi pelajar kerana penggunaannya berupaya mencetuskan proses pengajaran berpusatkan pelajar. Hasilnya, akan terlahir pelajar yang lebih matang dan mampu berdikari dalam usaha menjadi pelajar yang cemerlang dan mampu berdaya saing.

Semua ini memerlukan kebersamaan dan kesanggupan semua guru dalam mengubah teknik pengajaran yang bermula daripada corak pengajaran konvensional kepada kaedah pengajaran yang terkini dan lebih canggih kerana tidak perlu disangkal lagi bahawa penggunaan teknologi maklumat membawa perubahan yang positif dalam kehidupan manusia. Walaupun kehadirannya mungkin menjadi seribu satu masalah bagi sesetengah orang, namun sebenarnya kehadirannya mampu memberikan impak yang positif.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia (*Human Research Ethics Community*), UPSI. Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Ucapan ribuan terima kasih ditujukan kepada semua responden yang membantu dalam menjawab soal selidik yang diberikan. Terima kasih juga kepada pihak yang membantu secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sokongan dan dorongan dari awal penulisan hingga selesai penyelidikan ini dengan jayanya.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan mahupun bantuan kewangan daripada mana-mana pihak.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Kajian dan penerbitan ini tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Abdul Halim Masnan & Nor Mashitah Mohd Radzi. (2015). Pengetahuan Persediaan Pengajaran Guru Prasekolah Baru. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 4(15), 90-108.
- Ajzen. I. (1985). From Intentions to Actions: A Theory of Planned Behaviour. In J. Kuhl & J. Beckmann (Eds.), *Action-control: From Cognition to Behaviour*, (pp 11-39) . Heidelberg: Springer.
- Buche, M. W., Davis, L. R., & Vician, C. (2012). Does Technology Acceptance Affect Elearning In A Non-Technology-Intensive Course? *Journal Of Information Systems Education*, 23(1), 41-50. <https://digitalcommons.mtu.edu/business-fp/132>
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2018). *Research Methods in Education (8th Ed.)*. London: Routledge.
- Creswell, J.W. (1994). *Research Design: Qualitative & Quantitative Approaches* . Sage Publications.
- Creswell, J.W. (2005). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Qualitative and Quantitative Research* . Upper Sanddle River, NJ: Pearson.
- Davis, F.D., Bagozzi, R.P. & Warshaw, P.R. (1989). User Acceptance of Computer Technology: A Comparison of Two Theoretical Models. *Management Science*, 35(8), 982-1003.
- Dhawan, S. (2020). Online Learning: A Panacea In The Time Of Covid-19 Crisis. *Journal of Educational Technology Systems*, 49(1), 5-22. <https://doi.org/10.1177/0047239520934018>
- Dwivedi, Y. K., Rana, N. P., Jeyaraj, A. et al. (2019) Re-examining the Unified Theory of Acceptance and Use of Technology (UTAUT): Towards a Revised Theoretical Model. *Information Systems Frontiers*, 21(3), 719-734. DOI: 10.1007/s10796-017-9774-y
- Fishbein, M., & Ajzen, I. (1975). *Belief, Attitude, Intention and Behavior: An Introduction to Theory and Research*. Reading, MH: Addison-Wesley.
- Hussain, H., & Shiratuddin, N. (2016). A digital storytelling process guide for designers. *Journal of Telecommunication, Electronic and Computer Engineering (JTEC)*, 8(8), 13-17.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). *Garis Panduan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Semasa Perintah Kawalan Pergerakan Disebabkan Penularan Jangkitan Covid-19*. Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 3, Tahun 2020 Bertarikh 27 Mac 2020. Putrajaya. Diambil daripada <https://www.moe.gov.my/pekeliling/4081-manual-pengajaran-dan-pembelajaran-versi-2-2-feb-2021-1/file>
- Koehler, M.J. & Mishra, P. (2009). What is Technological Pedagogical Content Knowledge? *Contemporary Issues in Technology and Teacher Education*, 9(1), 60-70.
- Krejcie, R. V., Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size For Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607-610. <https://doi.org/10.1177/001316447003000308>
- Lo, M. C., Ramayah, T., & Mohamad, A. A. (2015). Does Intention Really Lead To Actual Use Of Technology? A Study Of An E-Learning System Among University Students In Malaysia. *Croatian Journal of Education*, 17(3), 835-863. DOI: 10.15516/cje.v17i3.1085
- Majlis Keselamatan Negara. (2020). *Kenyataan Media, 18 Mac 2020*. Jabatan Perdana Menteri, Malaysia.
- Mishra, P., & Koehler, M. J. (2006). Technological Pedagogical Content Knowledge: A Framework For Teacher Knowledge. *Teachers College Record*, 108(6), 1017-1054. DOI: 10.1111/J.1467-9620.2006.00684.X.

- Mishra, P., Koehler, M., & Harris, J. (2009). Teachers' Technological Pedagogical Content Knowledge And Learning Activity Types : Curriculum-Based Technology Integration Reframed. *Journal Of Research On Technology In Education*, 41(4), 393-416.
- Noh, N. M., Abd Razak, S. H., Alias, N., Siraj, S., Jamil, M. R. M., & Hussin, Z. (2013). Usage of Facebook: The future impact of curriculum implementation on students in Malaysia. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 103, 1261-1270.
- Septi Dwi Putri & Desy Eka Citra. (2019). Problematika Guru Dalam Menggunakan Media Pembelajaran Pada Mata Pelajaran IPS di Madrasah Ibtidaiyah Darussalam Kota Bengkulu. *Indonesian Journal of Social Science Education*, 1(1), 49-54. DOI: <http://dx.doi.org/10.29300/ijssse.v1i1.1325>
- Setyorini. (2020). Pandemi Covid-19 dan Online Learning: Apakah Berpengaruh Terhadap Proses Pembelajaran Pada Kurikulum 13? *Journal of Industrial Engineering & Management Research*, 1(1b), 95-102. DOI: <https://doi.org/10.7777/JIEMAR.V1I1.31>
- Shulman, L. S. (1986). Those Who Understand: Knowledge Growth in Teaching. *Sage Journal*, 15(2). DOI: <https://doi.org/10.3102/0013189X015002004>
- Suzlina Hilwani Baharuddin & Jamaludin Badusah. (2015). Tahap Penggunaan Web 2.0 Dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(2), 38-48.
- Taylor, S., Rizvi, F., Lingard, B. & Henry, M. (1997). *Education Policy and The Politics of Change*. London: Routledge.
- Venkatesh, V., & Davis, F. D. (2000). A Theoretical Extension Of The Technology Acceptance Model: Four Longitudinal Field Studies. *Management Science*, 46(2), 186-204.
- Wiersma, W. (1995). *Research Methods in Education: An Introduction*. Borston: Allyn & Bacon
- World Health Organization (WHO). (2020). *Coronavirus Disease*. Diambil daripada <https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/coronavirus-disease-%28covid-19%29>
- Yahya Othman & Roselan Baki. (2015). Aplikasi Komputer Dalam Pengajaran Bahasa: Penguasaan Guru Dan Kekangan Dalam Pelaksanaan. *International Malaysian Educational Convention*, 47-54.
- Yusup Hashim. (2012). *Penggunaan E-Pembelajaran Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Yang Berkesan*. Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Guru (Kkpg) 2012.